

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 49

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah keadaan tebusan rakyat Malaysia, Jari Abdulla yang ditahan oleh kumpulan Abu Sayyaf berhampiran gugusan kepulauan Tawi Tawi milik Filipina, pada 5 Disember lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis telah menjalankan siasatan berkait Kinabatangan repot 2886/18 pada 5 Disember 2018 yang diklasifikasikan di bawah Seksyen 4 Akta Senjata Api (penalti lebih berat) 1971. Pengadu telah membuat laporan menyatakan bahawa dua orang pekerjanya warganegara Indonesia dan seorang warga negara Malaysia telah tiada dalam bot pukot tunda nombor pendaftaran SN 259/4/F dan gagal menghubungi ketiga-tiga mereka melalui telefon. Pengadu mempercayai mangsa telah dilarikan oleh pihak yang tidak dikenali. Kejadian tersebut berlaku di Kuala Segama, Sabah. Pihak PDRM masih meneruskan siasatan dan dari maklumat yang diperolehi, semua mangsa dipercayai masih hidup.